

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarikan mulai jam 1200, Jumaat, 7 Mei 2021



## **KENYATAAN MEDIA**

### **BAGI PRESTASI SEKTOR PERKHIDMATAN SUKU TAHUN PERTAMA 2021**

---

**Hasil Sektor Perkhidmatan Menguncup 2.1 Peratus kepada RM428.5 Bilion pada Suku Tahun Pertama 2021**

**PUTRAJAYA, 7 MEI 2021 – Prestasi Sektor Perkhidmatan bagi Suku Tahun Pertama 2021** merekodkan pertumbuhan negatif 2.1 peratus kepada RM428.5 bilion berbanding tempoh yang sama tahun 2020, lapor Jabatan Perangkaan Malaysia.

Mengulas laporan tersebut, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia berkata, “Segmen Perdagangan Borong & Runcit, Makanan & Minuman dan Penginapan menurun 0.2 peratus kepada RM346.7 bilion. Ini diikuti oleh segmen Maklumat & Komunikasi dan Pengangkutan & Penyimpanan yang menyusut sebanyak 6.4 peratus kepada RM59.8 bilion. Segmen Kesihatan dan Kesenian, Hiburan & Rekreasi juga mengalami kejatuhan 23.1 peratus kepada RM12.9 bilion. Di samping itu, Segmen Profesional dan Ejen Hartanah juga turut merosot 8.1 peratus kepada RM9.0 bilion.” Sementara itu, jumlah hasil bagi perbandingan suku tahun-ke-suku tahun menunjukkan penurunan sebanyak RM7.4 bilion atau 1.7 peratus kepada RM428.5 bilion (Carta 1 dan Carta 2).

Jumlah pekerja dalam sektor ini ialah 3.7 juta orang, merosot sebanyak 80,693 orang atau 2.2 peratus berbanding suku tahun yang sama tahun lepas. Kemerosotan ini disebabkan oleh segmen Perdagangan Borong & Runcit, Makanan & Minuman dan Penginapan dengan penurunan sebanyak 48,705 orang atau 1.7 peratus diikuti segmen Kesihatan, Pendidikan dan Kesenian, Hiburan & Rekreasi seramai 7,253 orang atau 2.5 peratus. Bagi perbandingan suku tahun-ke-suku tahun, jumlah pekerja berkurang sebanyak 10,892 orang atau 0.3 peratus.


Mengulas lanjut, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, "Selari dengan penurunan dalam jumlah pekerja, gaji dan upah yang dibayar turut merosot yang merekodkan RM24.2 bilion iaitu menguncup 3.1 peratus berbanding suku tahun yang sama tahun sebelumnya. Ini disumbangkan oleh segmen Maklumat & Komunikasi dan Pengangkutan & Penyimpanan dengan penurunan sebanyak RM518.5 juta atau 10.5 peratus diikuti segmen Perdagangan Borong & Runcit, Makanan & Minuman dan Penginapan dengan penyusutan sebanyak RM147.9 juta atau 1.0 peratus." Bagi perbandingan suku tahun-ke-suku tahun, gaji dan upah jatuh sebanyak RM466.7 juta atau 1.9 peratus.

Mengupas kenyataan tersebut, Ketua Perangkawan Malaysia berkata, "Prestasi sektor Perkhidmatan pada suku tahun pertama 2021 menunjukkan kadar pertumbuhan yang rendah disebabkan negara masih berdepan dengan penularan wabak COVID-19. Aktiviti ekonomi pada suku tahun akan datang dijangka pulih berikutan aktiviti ekonomi terus dibenarkan beroperasi sepenuhnya."


Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 (Banci Malaysia 2020) secara Bersemuka dan Dalam Talian (e-Census) sedang dilaksanakan di seluruh negara sehingga 30 Jun 2021. Semua penduduk Malaysia diseru untuk memberikan kerjasama dalam menjayakan Banci Malaysia 2020 bagi memastikan tiada yang ketinggalan kerana data anda masa depan kita. Sila

layari portal Banci Malaysia 2020 di [www.mycensus.gov.my](http://www.mycensus.gov.my) atau media sosial @MyCensus2020 untuk maklumat lanjut.

**Carta 1: Pertumbuhan Nilai Hasil Sektor Perkhidmatan, Tahun ke Tahun (YoY) dan Suku Tahun ke Suku Tahun (QoQ), ST1 2019 – ST1 2021**



**Carta 2: Nilai Hasil Sektor Perkhidmatan, ST1 2019 – ST1 2021**



Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA**

**JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA**

**7 MEI 2021**

*Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hours, Friday, May 7, 2021*



**MEDIA STATEMENT  
FOR PERFORMANCE OF SERVICES SECTOR, FIRST QUARTER 2021**

---

***Revenue Services Sector Contracts 2.1 per cent to RM428.5 Billion in First Quarter 2021***

***PUTRAJAYA, MAY 7, 2021 – Services Sector Performance in the First Quarter 2021*** recorded negative growth of 2.1 per cent to RM428.5 billion as compared to the same period of 2020, Department of Statistics, Malaysia reports.

Commenting on the report, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Chief Statistician Malaysia said, "Wholesale & Retail Trade, Food & Beverages and Accommodation segment decreased 0.2 percent to RM346.7 billion. This was followed by Information & Communication and Transportation & Storage segment which contracted 6.4 percent to RM59.8 billion. Health, Education and Arts, Entertainment & Recreation segment also experienced a fall 23.1 per cent to RM12.9 billion. In addition, Professional and Real Estate Agent segment also declined 8.1 per cent to RM9.0 billion." Meanwhile comparison on a quarter-on-quarter basis, total revenue recorded a decrease of RM7.4 billion or 1.7 per cent to RM428.5 billion (Chart 1 and Chart 2).

The number of persons engaged in this sector were 3.7 million persons, declined by 80,693 persons or 2.2 per cent as compared to the same period


*last year. This decrease was attributed by Wholesale & Retail Trade, Food & Beverages and Accommodation segment with a drop of 48,705 persons or 1.7 per cent. This was followed by Health, Education and Arts, Entertainment & Recreation with 7,253 persons or 2.5 per cent. On quarter-on-quarter comparisons, number of persons engaged reduced by 10,892 persons or 0.3 per cent.*

*Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin added, "In line with the drop in the number of persons engaged, salaries and wages paid also declined which recorded RM24.2 billion with deteriorated to 3.1 per cent as compared to same quarter of previous. This was contributed by Information & Communication and Transportation & Storage segment with a decrement of RM518.5 million or 10.5 per cent followed by Wholesale & Retail Trade, Food & Beverages and Accommodation segment with decrement of RM147.9 million or 1.0 per cent." On quarter-on-quarter comparisons, salaries and wages fell RM466.7 million or 1.9 per cent.*


*Explaining on the statement, Chief Statistician Malaysia said, "The performance of Services sector in the first quarter of 2021 showed a low growth due to the country is still facing the COVID-19 pandemic. The economy is expected to recover in the next quarter as economic activities are still permitted to resume full operation."*

*The Malaysia Population and Housing Census 2020 (Malaysia Census 2020) via face to face and online (e-Census) is being conducted nationwide until 30<sup>th</sup> June 2021. All Malaysian residents are urged to cooperate in realising the success of Malaysia Census 2020 to ensure that no one is left behind as your data is our future. Please visit the Malaysia Census 2020 portal at [www.mycensus.gov.my](http://www.mycensus.gov.my) or social media @MyCensus2020 for more info.*

**Chart 1: Growth of Revenue Value of the Services Sector, Year-on-Year (YoY) and Quarter-on-Quarter (QoQ), Q1 2019 – Q1 2021**



**Chart 2: Revenue of the Services Sector, Q1 2019 – Q1 2021**



*Released by:*

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA**

**DEPARTMENT OF STATISTICS, MALAYSIA**

**7 MAY 2021**